

Mahu lihat silat dipertandingkan dalam Sukan Olimpik

Sheik Alau'ddin juga impikan Singapura sebagai hab silat dengan adanya kemudahan dan penganjuran acara, pertandingan antarabangsa



“Tentunya matlamat utama adalah menyertakan silat dalam Sukan Olimpik, jadi apabila pesilat berlatih, mereka akan berlatih kerana mempunyai matlamat dan impian yang lebih besar – memenangi emas dalam Sukan Olimpik.

Selagi silat belum berada pada Sukan Olimpik, segala usaha kami masih berterusan dengan Persekutuan Silat Antarabangsa lain. Ia satu proses yang rumit, tetapi saya percaya kami perlu mengubah sukan ini agar dapat memenuhi piawaian Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC).”

“Kami telah berkembang dengan pesat – ia merupakan satu perubahan besar berbanding sebelum ini. Kami mahu menaikkan martabat silat ke peringkat seterusnya, jadi itulah sebabnya kami sentiasa bekerja keras bagi mencapai misi kami.”

– Sheik Alau'ddin Yacoob Marican.